

## **AL-QURAN SEBAGAI SUMBER NILAI DAN HUKUM: RESPONS TERHADAP CABARAN SOSIO-POLITIK SEMASA**

Hadi Amroni

(Corresponding author). Universiti Utara Malaysia (UUM).

Emel: thepresidentri82@gmail.com

### **ABSTRAK**

Dalam menghadapi perubahan sosial dan politik global yang kian kompleks, umat Islam berdepan dengan cabaran besar untuk mengembalikan peranan al-Quran sebagai sumber nilai dan hukum yang mampu memberikan panduan holistik terhadap permasalahan semasa. Dunia moden yang dicirikan oleh krisis moral, ketidakadilan sosial, ekstremisme politik, serta dominasi materialisme telah menuntut suatu paradigma penyelesaian yang berpaksikan nilai-nilai transenden. Dalam konteks ini, al-Quran tampil bukan hanya sebagai teks keagamaan, tetapi juga sebagai sumber normatif dan etika yang membentuk asas keadilan sosial, kemanusiaan, dan keseimbangan kuasa dalam masyarakat. Sebagai sumber nilai, al-Quran menegaskan prinsip-prinsip universal seperti keadilan ('adl), rahmah (kasih sayang), amanah, dan syura (musyawarah) yang menjadi dasar kepada pembinaan masyarakat berperadaban dan berkeadilan. Nilai-nilai ini tidak bersifat statik, tetapi dinamis serta mampu disesuaikan dengan konteks perubahan zaman. Manakala sebagai sumber hukum, al-Quran menyediakan asas normatif yang berpaksikan, Maqasid al-Shariah bagi membimbing proses penetapan hukum yang selaras dengan tujuan-tujuan kemanusiaan – iaitu pemeliharaan agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta. Pendekatan maqasidi ini memungkinkan hukum Islam diterapkan secara kontekstual untuk menjawab pelbagai cabaran sosio-politik kontemporari, termasuk isu keadilan distributif, tata kelola pemerintahan, dan tanggungjawab moral pemimpin. Kajian ini menelusuri integrasi antara nilai dan hukum dalam al-Quran serta menilai relevansinya sebagai respons terhadap cabaran sosio-politik semasa. Dengan menggunakan pendekatan normatif dan kontekstual, kajian ini menegaskan bahawa al-Quran bukan sekadar teks wahyu bersifat teologis, tetapi sistem nilai dan hukum hidup yang membentuk paradigma keadilan, kemaslahatan, dan kesejahteraan sejagat.

**Kata-kata kunci:** Cabaran Semasa, , Maqasid al-Shariah, Nilai dan hukum al-Quran, Sosio-politik.

### **PENGENALAN**

Dalam dekad terkini, dunia menghadapi pelbagai cabaran sosio-politik seperti polarisasi identiti, ketidakadilan ekonomi, krisis legitimasi institusi negara, konflik sosial dan ketegangan budaya. Di negara-negara majoriti Muslim, pertanyaan kritis muncul: apakah sumber nilai normatif dan kerangka hukum yang relevan dan diterima secara moral untuk menanggapi problem ini? Para pemikir Islam berusaha mencari kembali teks suci khususnya al-Quran sebagai rujukan moral dan undang-undang, namun penggunaan dan implikasi praktikalnya sering menjadi perdebatan (Aziz, 2023). Al-Quran, sebagai wahyu tertulis yang diyakini umat Islam, mempunyai kedudukan sebagai sumber nilai (etika, prinsip moral), dan juga sumber hukum (norma praktis, aturan yang mengikat).

Namun, untuk menjadikannya relevan dalam konteks moden yang lebih kompleks dan berubah cepat, perlu pemahaman yang mendalam tentang perbezaan dan interaksi antara nilai dan hukum dalam kerangka Quranik, serta metodologi interpretasi yang sesuai agar tidak terseret kepada tafsiran literal yang stagnan atau ekstrem (Zaini, 2011).

Dalam kerangka Quranik, nilai merujuk kepada prinsip-prinsip moral, etika dan tujuan (maqasid) yang mendasari ajaran, misalnya keadilan ('adl), kebajikan (ihsan), amanah, keseimbangan (qist), dan musyawarah (syura). Nilai-nilai ini memberi "roh" kepada ajaran Islam dan menetapkan kerangka normatif umum yang membentuk orientasi sosial-politik umat. Al-Quran menjadikan nilai keadilan sebagai pilar utama; misalnya, ia memerintahkan "berlaku adil" bahkan terhadap musuh dan dalam situasi yang sulit, menunjukkan bahawa keadilan bukan sekadar norma hukum, tetapi nilai mendasarnya (Mirhamad & Shamsulddin, 2023).

Sementara itu, hukum (ahkam) merujuk kepada ketetapan perintah, larangan atau izin yang bersifat praktis dan operasional, yakni aturan yang menentukan tindakan manusia dalam wujud konkret: wajib, haram, sunat, atau mubah. Hukum ini adalah hasil interpretasi terhadap teks al-Quran dan Hadis melalui disiplin usul fiqh, analogi hukum (qiyas), preferensi hukum terbaik (istihsan), dan penggunaan dasar kemaslahatan masyarakat (maslahah) sebagai alat penyesuaian terhadap konteks zaman. Dalam banyak masalah sosial-politik kontemporer yang tidak disebut secara tekstual dalam al-Quran, hukum baru harus dikembangkan dengan rujukan nilai-nilai asas dan tujuan syariah (M. Syarif, 2023).

Memahami perbezaan dan hubungan antara nilai dan hukum adalah penting, kerana hukum tanpa nilai bisa menjadi mekanis dan kehilangan legitimasi moral, sementara nilai tanpa hukum bisa menjadi retorik kosong tanpa daya mengikat sosial. Dalam sistem yang matang, nilai menjadi petunjuk orientasi dan tujuan, sementara hukum menjadi wujud konkret pelaksanaan nilai tersebut dalam struktur sosial dan institusi negara. Untuk mencapai keserasian ini, pemikiran maqasid al-syariah (tujuan-tujuan syariah) memainkan peranan pusat: ijtihad hukum mesti selaras dengan maslahat (kemaslahatan) agar hukum tetap relevan dan tidak menimbulkan kemudaratan (Shidiq, 2009).

Dalam konteks cabaran sosio-politik semasa, integrasi nilai dan hukum Quranik memerlukan pendekatan yang lebih kontekstual dan kritis. Isu-isu seperti keadilan sosial, kemiskinan, korupsi, penyalahgunaan kuasa, dan polarisasi politik memerlukan interpretasi nilai-nilai Quranik yang dapat diterapkan dalam kebijakan publik dan sistem hukum negara. Sebagai contoh, prinsip 'adl dan amanah harus diterjemahkan ke dalam dasar pemerintahan yang berintegriti, sementara nilai ihsan dan syura perlu diwujudkan melalui partisipasi masyarakat dalam proses demokrasi dan keadilan sosial. Dalam hal ini, al-Quran berfungsi sebagai sumber nilai yang memberi arah moral sekaligus sebagai sumber hukum yang menyediakan mekanisme pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut (Natsir, 1954).

Masalah utama kajian ini ialah terpisahnya pemahaman antara dimensi nilai dan hukum al-Quran dalam wacana keagamaan dan politik Islam kontemporer. Pemisahan ini menyebabkan hukum Islam sering kehilangan ruh etika dan keadilannya, manakala nilai Quranik terpinggir sebagai wacana ideal tanpa terjemahan institusional. Kajian ini menilai bahawa salah satu punca kegagalan umat Islam dalam merespons cabaran sosio-politik moden adalah kerana ketidakseimbangan antara penerapan hukum dan penghayatan nilai dalam kerangka Quranik serta implementasinya dalam kerangka hukum dan sosial yang real.

Kajian ini akan menganalisis konsep nilai dan hukum dalam al-Quran secara konseptual dan epistemologis, menjelaskan hubungan integratif antara keduanya, serta menilai relevansinya dalam menghadapi cabaran sosio-politik semasa. Kajian ini juga menawarkan satu kerangka integratif nilai dan hukum Quranik yang dapat diaplikasikan dalam pembentukan sistem sosial dan politik yang adil, berasaskan kemaslahatan dan berorientasi kepada nilai-nilai keislaman sejati. Dengan demikian, al-Quran tidak hanya diposisikan sebagai teks hukum yang bersifat normatif, tetapi juga sebagai sumber nilai yang membentuk kesedaran moral dan arah perubahan sosial bagi masyarakat Muslim moden.

## **KAJIAN LITERATUR**

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini kajian tentang maqasid al-syariah (tujuan syariah) berkembang pesat sebagai kerangka teori yang menghubungkan nilai Quranik dengan praktik perundangan dan dasar awam. Kajian biblio-metrik dan scientometric menunjukkan peningkatan penerbitan dan pengkhususan topik maqasid, terutamanya berkaitan pengukuran, indeksasi, dan aplikasi pada tadbir urus serta prestasi organisasi. Ini menjadi satu isyarat bahawa komuniti akademik sedang berusaha menerjemahkan nilai kepada indikator praktikal. Penelitian-penelitian ini menegaskan pentingnya maqasid sebagai jambatan konseptual antara nilai (etika) dan hukum (peraturan) dalam konteks moden (Mohammed, 2024).

Al-Quran sebagai sumber hukum dan nilai sosial-politik telah menjadi asas penting dalam pembangunan pemikiran Islam sejak zaman klasik hingga kontemporer. Dalam konteks moden, para sarjana klasik dan kontemporari menegaskan bahawa al-Quran bukan hanya mengatur ibadah ritual, tetapi juga mengandungi prinsip-prinsip universal yang mengarahkan manusia dalam pembentukan tatanan sosial yang adil dan berperadaban. Ibnu Khaldun (2012) menjelaskan bahawa nilai-nilai al-Quran seperti keadilan ('adl), kebebasan (al-hurriyyah), dan tanggungjawab (al-amanah) merupakan fondasi moral bagi pelaksanaan hukum dan politik dalam masyarakat Islam kontemporer.

Kajian oleh Junaidi, Majid, et al. (2023) menganalisis dimensi keadilan sosial dalam al-Quran dan mengaitkannya dengan isu-isu ketimpangan moden, seperti kemiskinan struktural dan marginalisasi politik. Kajian ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan Quranik bersifat dinamis dan menuntut penyesuaian terhadap konteks zaman, selagi tidak menyalahi nilai-nilai wahyu. Kajian serantau lain oleh Zuhdi et al. (2025) menyoroti usaha negara-negara Muslim dalam menerapkan nilai-nilai Quranik dalam kerangka perundangan dan pentadbiran awam. Walau bagaimanapun, hasilnya menunjukkan bahawa implementasi prinsip tersebut masih terbatas kerana sering kali nilai al-Quran dijadikan legitimasi simbolik tanpa penjabaran epistemologis yang konkrit.

Kebanyakan kajian sedia ada masih berfokus pada pendekatan normatif, seperti maqasid al-syari'ah atau fiqh klasik tanpa mengelaborasi bagaimana teks al-Quran secara langsung memberi landasan konseptual dan metodologis terhadap pembinaan sistem nilai dan hukum yang mampu menjawab cabaran politik moden seperti demokrasi, keadilan sosial, dan hak asasi manusia. Dengan demikian, kajian ini berusaha mengisi kekosongan tersebut melalui analisis mendalam terhadap al-Quran sebagai sumber nilai dan hukum yang transformatif serta aplikatif dalam merespons realiti sosio-politik kontemporer umat Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kepustakaan (library research), kerana fokus utamanya ialah menelusuri al-Quran sebagai sumber nilai dan hukum dalam merespons cabaran sosio-politik semasa. Pendekatan ini memungkinkan peneliti memahami kandungan normatif dan etika al-Quran secara mendalam melalui analisis teks dan konteks (Creswell, 2014).

Kajian ini akan menumpukan analisis terhadap sumber-sumber keislaman yang berkaitan dengan nilai dan hukum al-Quran dalam konteks sosio-politik. Sumber primer terdiri daripada al-Quran, hadis, serta karya klasik dan kontemporari dalam bidang tafsir, usul fiqh, dan pemikiran politik Islam, termasuk pemikiran tokoh-tokoh reformis dan modernis yang relevan. Sumber sekunder meliputi karya ilmiah, jurnal akademik, dan kajian empirikal terkini yang menelusuri hubungan antara syariat, etika politik, dan sistem perundangan Islam.

Selain itu, kajian ini turut mengaplikasikan pendekatan analisis kontekstual-historis, dengan menelusuri pelaksanaan nilai dan hukum Islam dalam sejarah peradaban Islam, termasuk zaman Nabi Muhammad Saw. dan Khulafa' al-Rasyidīn. Analisis ini membantu menilai bagaimana prinsip-prinsip syariah dan nilai moral Qurani diterjemahkan ke dalam realiti pemerintahan dan tata kelola politik. Hasilnya, bukan sahaja menyingkap dimensi normatif hukum Islam, tetapi juga menegaskan relevansinya dalam merumuskan paradigma nilai dan hukum al-Quran yang mampu menjawab cabaran sosio-politik kontemporari secara ilmiah dan praktikal.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **• Al-Quran Sebagai Sumber Nilai Universal**

Al-Quran merupakan sumber utama ajaran Islam yang bersifat universal, mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia tanpa dibatasi oleh ruang, masa, budaya dan bangsa. Keuniversalan al-Quran terletak pada prinsip-prinsip moral, hukum, dan sosial yang dikandungnya, yang bersifat abadi dan dapat diterapkan dalam pelbagai konteks masyarakat (Natsir, 1957a). Prinsip seperti 'adl (keadilan), rahmah (kasih sayang), amanah (kejujuran dan tanggungjawab), serta syura (musyawarah) menjadi asas nilai yang tidak hanya berfungsi dalam urusan individu, tetapi juga dalam pembentukan sistem sosial dan politik yang berkeadaban. Nilai-nilai ini menjadikan al-Quran bukan sekadar kitab spiritual, tetapi juga panduan moral dan hukum universal bagi kemanusiaan (Natsir, 1957b).

Nilai-nilai ini bersifat universal dan transhistoris, tidak terikat oleh ruang dan waktu serta tetap relevan dalam pelbagai konteks sejarah dan peradaban. Ia juga bersifat adaptif terhadap kepelbagaian budaya, kemajmukan etnik, dan pluraliti. Apabila nilai-nilai Ilahiyah ini benar-benar dijadikan asas dalam kehidupan berbangsa dan bernegara, maka apa jua bentuk negara, sama ada republik, persekutuan, mahupun kerajaan, selama ia menegakkan nilai-nilai tersebut, maka secara substansial itulah yang disebut sebagai negara Islam (Natsir, 1954).

Keuniversalan al-Quran juga terlihat melalui kemampuannya menyesuaikan prinsip dasarnya dengan perubahan zaman tanpa kehilangan substansi nilai. Nilai-nilai Qurani seperti keadilan sosial, persamaan hak, dan penghormatan terhadap martabat manusia dapat diterjemahkan dalam konteks politik moden yang menuntut keterbukaan, demokrasi, dan kebertanggungjawaban. Hal ini menunjukkan bahawa meskipun bentuk penerapan hukum dapat berubah, tujuan akhirnya tetap berpaksikan pada kesejahteraan dan kemaslahatan umat (masalah). Oleh itu, al-Quran menyediakan asas moral yang relevan dalam pembentukan undang-undang dan kebijakan awam di negara-negara Muslim kontemporari (Natsir, 1968).

Lebih jauh, nilai-nilai universal dalam al-Quran juga menegaskan prinsip pluraliti dan toleransi yang mendukung keharmonian sosial dalam masyarakat majmuk. Ayat-ayat seperti “Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling mengenal” (al-Hujurat: 13) menegaskan visi kosmopolitan Islam yang mengakui perbezaan sebagai sebahagian daripada kehendak Ilahi. Nilai ini menjadi asas penting bagi kehidupan sosial-politik moden yang menuntut sikap saling menghormati, dialog, dan tanggungjawab sosial bersama (Mughtarom & Selamat, 2023).

Menurut Solihin (2017) ayat ini bermaksud bukan sekadar saling mengenal dalam erti yang sempit, tetapi juga menjadi dorongan untuk membina kerjasama (collaboration), saling ketergantungan (interdependency), dan hubungan antara budaya (intercultural relation) bagi mencapai tujuan dan kemaslahatan bersama. Dalam konteks demokrasi moden, nilai ini bersifat inklusif untuk mendorong semangat tolong-menolong yang merupakan bahagian daripada budaya kolaborasi; iaitu kerjasama dalam kebaikan yang saling menguntungkan serta melampaui batas agama, budaya, bahkan negara (Natsir, 2014).

Namun demikian, keuniversalan al-Quran bukan bererti bahawa semua ayat dapat diterapkan secara literal dalam setiap konteks. Beberapa ayat mempunyai latar sejarah dan situasi khusus (asbab al-nuzul) yang menuntut penafsiran kontekstual agar tetap relevan. Di sinilah pentingnya pendekatan usul fiqh seperti qiyas, istihsan, dan masalah mursalah untuk mentransformasikan prinsip wahyu menjadi hukum yang hidup dan sesuai dengan realiti semasa. Pendekatan ini menjaga keseimbangan antara idealisme wahyu dan realiti sosial, menjadikan al-Quran tetap dinamis dalam menghadapi pelbagai cabaran politik dan sosial kontemporer (Ashaari & Razali, 2025).

#### • **Islam:Negara Hukum – Nilai**

Dalam pandangan Islam, negara merupakan institusi sosial-politik yang berfungsi menegakkan keadilan, menjaga keamanan, dan menjamin kemaslahatan rakyat berdasarkan prinsip ketuhanan. Negara bukanlah tujuan, tetapi institusi yang dilengkapi dengan instrumen hukum, nilai dan sistem untuk mencapai tujuan. Sebagaimana ditegaskan oleh Natsir (1954) bahawa risalah kenabian Muhammad Saw. bukanlah untuk membentuk negara secara fizikal, tetapi prinsip-prinsip dasar, nilai dan hukum yang harus menjadi pedoman dalam mengatur pemerintahan dan kehidupan bernegara. Prinsip-prinsip ini bertujuan agar negara dapat berfungsi dengan baik, menjadi kuat dan makmur, serta mampu menjadi wasilah terbaik bagi mencapai tujuan hidup manusia yang berhimpun di dalamnya, iaitu kesejahteraan, keadilan, dan keselamatan bagi individu dan masyarakat.

Tujuan utama negara dalam Islam ialah merealisasikan , Maqasid al-Shariah, yakni menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Negara bukan hanya wadah kekuasaan, tetapi instrumen untuk menegakkan nilai-nilai moral yang bersumber daripada wahyu. Dalam kerangka ini, kekuasaan dipandang sebagai amanah, bukan hak mutlak; dan pemerintah adalah pelaksana kehendak hukum Allah di bumi (Natsir, 2014). Oleh itu, Islam menolak konsep negara sekular yang memisahkan antara moral dan kekuasaan, kerana dalam Islam politik merupakan sebahagian daripada ibadah yang bertujuan mencapai keadilan sosial dan kesejahteraan umat.

Maka dari itu, hukum dalam Islam memiliki kedudukan fundamental kerana ia menjadi asas peraturan yang mengikat seluruh warga negara tanpa mengira status sosial. Fungsi hukum ialah menegakkan keadilan, melindungi hak-hak manusia, serta memastikan keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat. Dalam konteks negara moden, hukum juga berperanan sebagai mekanisme pengawal kuasa agar tidak terjadi penyalahgunaan kekuasaan. Oleh itu, hukum dalam Islam bukan semata-mata alat administratif, tetapi sistem nilai yang berakar daripada wahyu dan rasionalitas moral yang menyatu dalam kehidupan masyarakat. Sementara nilai, berfungsi sebagai jiwa dan orientasi dari hukum itu sendiri. Tanpa nilai ketuhanan, hukum akan kehilangan makna etis dan hanya menjadi alat dominasi politik (Ash-Shallabi, 2017).

Adapun peranan nilai dan hukum dalam Islam adalah membentuk masyarakat yang beradab, berintegriti, dan berkeadilan. Nilai-nilai seperti amanah, syura, keadilan, dan tanggungjawab sosial menjadi dasar moral dalam pelaksanaan hukum negara. Hukum yang berlandaskan nilai ketuhanan akan menegakkan keadilan substantif, bukan hanya prosedural. Ia menuntut pemerintah untuk bertindak adil terhadap seluruh rakyat tanpa diskriminasi, serta menjadikan kebijakan negara sejalan dengan prinsip kemanusiaan dan moraliti. Dengan demikian, hukum dan nilai bukan hanya mengatur perilaku lahiriah manusia, tetapi juga membentuk kesedaran batin tentang tanggungjawab moral kepada Allah dan sesama manusia (Yusoff, 2015).

Apapun bentuk negara dan siapa pun pemimpinnya, nilai dan hukum merupakan kekuatan sosio-politik yang menentukan arah kehidupan masyarakat. Dalam sejarah Islam, bentuk negara bisa beragam – dari khilafah, kesultanan hingga republik namun prinsip dasarnya tetap sama, iaitu penegakan keadilan dan pengabdian kepada Allah. Maka, nilai dan hukum yang bersumber dari wahyu (al-Quran) merupakan jawapan atas segala problem sosio-politik. Sebab itu, nilai dan hukum mesti berfungsi sebagai pengikat moral rakyat sekaligus pemimpin. Apabila hukum ditegakkan dengan adil dan nilai-nilai ketuhanan dijadikan panduan, maka legitimasi kekuasaan akan lahir secara moral, bukan sekadar melalui prosedur politik (Al-Qaradhawi, 2018). Oleh itu, kekuatan sejati sebuah negara tidak terletak pada militernya atau ekonominya, tetapi pada kesetiaan rakyat dan pemimpinnya terhadap nilai hukum yang benar.

Negara demokrasi moden pada dasarnya juga menempatkan hukum dan nilai sebagai asas kekuasaan, walaupun sumber nilainya bersifat manusiawi. Islam tidak menolak demokrasi selama nilai dan mekanismenya tidak bertentangan dengan prinsip tauhid dan keadilan. Dalam Islam, hukum berasal daripada Allah sebagai sumber tertinggi kedaulatan, sedangkan manusia bertugas mengurus dan menafsirkan hukum itu sesuai konteks sosialnya. Oleh itu, hubungan antara hukum dan nilai dalam Islam bukan hanya untuk mengatur kehidupan bernegara, tetapi juga untuk membimbing manusia mencapai keseimbangan antara hak dan tanggungjawab, dunia dan akhirat. Negara yang berlandaskan hukum dan nilai ketuhanan pada akhirnya akan melahirkan masyarakat yang berkeadilan, bermoral, dan berperadaban (Junaidi, Abdul Majid, et al., 2023).

## • Sosio-politik di Negara-negara Muslim

Dalam beberapa dekad terakhir, dunia Islam menghadapi cabaran besar dalam bidang sosio-politik yang mencerminkan jurang antara nilai Islam yang luhur dengan realiti praktik pemerintahan yang sering sarat dengan penyalahgunaan kuasa, rasuah, dan krisis integriti. Meskipun banyak negara Muslim mendakwa menjadikan Islam sebagai dasar negara atau sumber nilai moral, pelaksanaan prinsip-prinsip tersebut sering kali tidak menyentuh ranah praktikal politik dan pentadbiran. Laporan antarabangsa Islamic Well-Being Index menunjukkan bahawa banyak negara Islam masih berhadapan dengan masalah sistemik seperti lemahnya integriti pejabat awam, penyalahgunaan kekuasaan, dan rendahnya akauntabiliti. Walaupun negara-negara Islam memiliki tahap religiositi yang tinggi serta prestasi baik dalam aspek nyawa, keadilan sosial, dan keseimbangan ekologi, namun mereka masih ketinggalan berbanding purata dunia dalam aspek lain seperti pembangunan intelektual, sistem keluarga, dan pengurusan kekayaan.

Ini menunjukkan bahawa cabaran utama dunia Islam bukan terletak pada kekurangan nilai agama, tetapi pada kegagalan menterjemahkan nilai Islam ke dalam dasar dan sistem pemerintahan yang berkesan, berintegriti, dan berorientasikan kemaslahatan masyarakat (Islamic Well-Being Index, 2022). Faktor utama yang melatarbelakangi krisis ini adalah lemahnya sistem akauntabiliti dan pengawasan terhadap kekuasaan. Banyak negara Islam masih bergantung pada model pemerintahan paternalistik, di mana kekuasaan berpusat pada elit politik dan keluarga pemerintah, sementara lembaga pengawasan seperti mahkamah, badan anti-rasuah, dan media tidak diberi kebebasan yang mencukupi. Situasi ini menimbulkan peluang besar bagi penyalahgunaan kuasa dan menjadikan rasuah sebagai budaya yang normal. Dalam konteks ini, kegagalan menerapkan nilai-nilai Islam seperti amanah, 'adl (keadilan), ihsan (kebaikan), dan syura (musyawarah) telah mencipta jurang antara ideal moral Islam dengan realiti politik (Syarif & Nadzri, 2024).

Selain itu, sejarah politik dan struktur kekuasaan turut memainkan peranan penting dalam mencorakkan landskap sosio-politik dunia Islam. Sejak kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah pada awal abad ke-20, banyak negara Muslim terjebak dalam transisi politik yang tidak stabil. Dalam proses membangun identiti kenegaraan moden, sebahagian besar negara Islam mengadopsi sistem politik sekular atau semi-otoritarian, di mana syariah hanya difahami sebagai simbol moral, bukan dasar normatif bagi pemerintahan. Di Turkiye misalnya, selepas reformasi politik pasca-2000, sistem kehakiman yang dahulu bebas mulai terpengaruh oleh kekuasaan eksekutif, menyebabkan penurunan kepercayaan rakyat terhadap institusi hukum dan penghakiman. Fenomena ini menunjukkan bahawa dominasi politik tanpa keseimbangan nilai akan membawa kepada kemerosotan integriti dan hilangnya semangat keadilan sosial dalam sistem Islam yang sepatutnya (Garoupa & Spruk, 2024).

Namun, tidak semua negara Muslim tenggelam dalam krisis yang sama. Beberapa negara menunjukkan kemajuan bererti dalam reformasi sosio-politik dan pembaharuan institusi. Tunisia, sebagai contoh, selepas revolusi Arab Spring, menjadi bukti bahawa tekanan rakyat dan masyarakat sivil boleh menghasilkan perubahan positif. Reformasi dalam sistem perundangan, pembentukan badan anti-korupsi, dan peningkatan transparansi pentadbiran memperlihatkan bahawa semangat Islam tentang keadilan dan tanggungjawab dapat dihidupkan kembali melalui mekanisme demokratik yang berpaksikan nilai-nilai Qurani. Kejayaan relatif Tunisia ini memberi inspirasi kepada negara Islam lain untuk mewujudkan keseimbangan antara demokrasi, hukum, dan nilai Islam (IWI, 2022).

Di rantau Teluk, negara seperti Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) menjadi model pembangunan berasaskan meritokrasi dan inovasi. Kedua-dua negara ini berjaya mengurangkan kebergantungan pada sektor minyak dan mengalihkan tumpuan kepada knowledge economy melalui pembaharuan pendidikan, penyelidikan, dan dasar sumber manusia yang menekankan kompetensi dan kecekapan. Usaha seperti ini memperlihatkan bagaimana nilai Islam tentang itqan (profesionalisme) dan ihsan (benevolence) boleh diterjemahkan secara praktikal dalam dasar awam yang progresif dan berorientasi masa depan. Walaupun bukan tanpa kelemahan, model ini membuktikan bahawa kemajuan dunia Islam tidak mustahil jika hukum dan nilai Islam benar-benar dijadikan dasar pengurusan negara yang berwibawa (Parcero & Ryan, 2017).

Bagi negara-negara Islam yang masih berdepan krisis integriti, jalan kebangkitan memerlukan sinergi antara kepimpinan beretika, masyarakat sivil yang aktif, dan sistem hukum yang kukuh. Pengukuhan institusi kehakiman dan badan penguatkuasaan yang bebas daripada campur tangan politik merupakan langkah asas. Di samping itu, pengamalan meritokrasi dalam pelantikan pemimpin dan pegawai awam harus menjadi norma, bukan pengecualian. Prinsip, hukum dan nilai Islam perlu diterjemahkan dalam dasar awam melalui pendekatan , Maqasid al-Shariah, agar ianya tidak sekadar ideal normatif, tetapi menjadi kekuatan sosio-politik yang hidup dan membimbing arah pembangunan negara.

#### • **Taqnin Sebagai Upaya Implementasi Nilai Dan Hukum**

Taqnin, dalam bahasa Arab berarti legislasi atau kodifikasi hukum, merujuk kepada usaha negara atau penguasa untuk merumuskan dan menetapkan hukum Islam secara formal melalui undang-undang atau qanun agar menjadi norma positif yang mengikat seluruh masyarakat (formalised Islamic law). Taqniin adalah bentuk positivisasi ajaran Islam (fiqh) ke dalam struktur hukum negara agar nilai dan peraturan wahyu dapat dijalankan secara jelas dan konsisten. Dengan demikian, konsep ini bukan sekadar legislasi biasa, tetapi medium institusional untuk menerjemahkan nilai-nilai syariah ke dalam hukum nasional (Fauziati & Abbas, 2024).

Negara sebagai institusi memiliki kedudukan penting dalam proses ini. Karena, hanya negara atau badan yang berwenang mempunyai legitimasi untuk menetapkan hukum dan menjadikannya berlaku dan mengikat secara menyeluruh. Oleh itu, upaya ini menuntut kecenderungan dan kekuatan politik (political will) yang kuat dari pemimpin dan pemegang kekuasaan negara agar hukum dan nilai yang ditetapkan tidak sekadar simbolik, tetapi benar-benar diimplementasikan secara aktual. Tanpa komitmen politik, upaya ini hanya akan menjadi dokumen kosong yang tidak dihormati atau dilaksanakan dalam praktik pemerintahan. Political will dalam konteks ini berarti pemerintah bersedia meletakkan hukum dan nilai-nilai Islam dalam posisi otoritatif, mengorbankan kepentingan politik sempit demi kemaslahatan umum (Ahmadavand & Ghorbannejad, n.d.).

Konsep ini merupakan strategi institusionalisasi nilai dan hukum Islam. Dengan ini, nilai-nilai Islam dilegitimasi secara resmi dalam kerangka negara. Proses ini mengatasi kelemahan interpretasi hukum yang beragam dan inkonsistensi antara berbagai pendapat fiqh dengan penguatkuasaan hukum negara. Sebagai contoh, di Aceh, undang-undang pidana (*qanun hudud*) atau (*qanun jinayat*) merupakan bentuk taqnin yang menjadikan hukum syariah berstatus hukum daerah yang mengikat dalam kerangka negara kesatuan, meski implementasinya menghadapi tantangan.

Proses implementasi dalam kerangka lokal seperti ini membantu menjembatani nilai syariah dan struktur hukum formal sebagai respon alternatif terhadap situasi sosio-politik yang berlaku (Muhaimin, 2021). Dalam praktik pemerintahan Islam kontemporer, konsep ini semestinya dapat diimplementasikan melalui legislasi nasional dengan model kebijakan yang instructive di mana hasil ijtihad diinstitusikan sebagai undang-undang positif negara, atau model integratif/adaptif di mana hukum Islam diserap secara selektif dan disesuaikan dengan kebutuhan konstitusional dan pluralitas masyarakat. Melalui model ini negara mempraktekkan taq̄n̄n sebagai revolusi akhlak: menjadikan norma syariah sebagai landasan moral bersama, sekaligus memberi ruang adaptasi agar hukum tetap relevan dan tidak memaksakan interpretasi tunggal tanpa mempertimbangkan konteks sosial (Yulianto, 2019).

Dalam hal ini, hukum dan nilai-nilai Islam tidak dibangun di atas tujuan diskriminasi agama atau budaya tertentu, tetapi atas asas keadilan (*`adl*), kemaslahatan (*maslahah*), dan kesetaraan manusia di hadapan hukum (*musawah*). Dengan demikian, taq̄n̄n bukanlah upaya untuk memaksakan syariat secara rigid, melainkan bentuk rasionalisasi dan sistematisasi ajaran Islam agar dapat diaplikasikan secara kontekstual dalam sistem negara modern. Ia menjadi mekanisme normatif untuk mengintegrasikan nilai-nilai wahyu dalam tata hukum negara yang berdaulat, tanpa mengabaikan realiti sosial dan politik yang pluralistik. Ini kerana Islam sebagai sistem nilai bersifat universal dan transenden, sesuai untuk setiap zaman dan tempat (Mahendra, 2022).

Dalam sejarah Islam, pelaksanaan hukum syariah tidak pernah menafikan hak-hak individu atau kelompok atas nama agama. Sebaliknya, hukum Islam justru menjadi payung perlindungan terhadap martabat manusia (karamah insaniyyah). Jika terdapat penyimpangan yang menindas atas nama agama, hal tersebut bukanlah refleksi dari syariah itu sendiri, tetapi akibat perilaku manusia yang menyimpang dari prinsip moral dan hukum Islam (Natsir, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa hukum Islam secara hakiki bersifat humanistik dan berorientasi pada kesejahteraan sosial, bukan pada kekuasaan atau kepentingan sempit. Oleh kerana itu, taq̄n̄n sebagai instrumen penerapan hukum Islam mesti dipahami sebagai proses “revolusi akhlak” suatu transformasi nilai-nilai moral menjadi norma hukum positif yang mengarah kepada islah (perbaikan) dan keseimbangan sosial. Kesempurnaan syariah justru terletak pada kelenturannya dalam menyesuaikan diri dengan perubahan zaman tanpa kehilangan substansi nilai-nilai Ilahiyah-nya.

- **Menghidupkan Kembali Nilai-nilai Keteladanan**

Menghidupkan kembali nilai-nilai keteladanan (*uswah hasanah*) merupakan prasyarat utama bagi keberhasilan penerapan hukum dan nilai Islam dalam kehidupan bernegara (*taq̄n̄n al-ahkam wa al-qiyam*). Kehidupan Nabi Muhammad SAW. dan para sahabatnya adalah model ideal yang mencerminkan penghayatan nilai-nilai al-Quran secara menyeluruh dalam tataran sosial, politik, dan spiritual. Rasulullah SAW. bersabda: “Sebaik-baik manusia adalah pada zamanku, kemudian zaman sesudahnya, kemudian zaman sesudahnya lagi” (HR. al-Bukhari dan Muslim). Hadis ini menunjukkan bahawa generasi awal Islam – al-qurun al-mufaddalah – adalah representasi nyata dari masyarakat yang dibangun atas dasar keteladanan moral, keadilan sosial, dan ketaatan kepada nilai dan hukum Allah. Walaupun pada masa itu belum wujud sistem perlembagaan demokrasi atau struktur monarki konstitusional, tetapi hukum dan nilai Islam telah berfungsi sebagai nadi kesedaran sosial dan instrumen penegak keadilan masyarakat.

Hal ini membuktikan bahawa keadilan substantif tidak bergantung pada bentuk institusi semata-mata, melainkan pada moraliti dan spiritualiti manusia (Al-Qaradhawi, 2019). Sepeninggal Nabi Saw. dan para sahabat, peradaban Islam pernah mencapai puncak kejayaannya yang dikenal sebagai “Zaman Keemasan Islam” (Islamic Golden Age), berlangsung dari abad ke-7 hingga ke-15 Masehi, ketika nilai-nilai tauhid (al-tauhid) dan universalisme (al-‘alamiyyah) menjadi asas kemajuan intelektual, politik, dan moral umat Islam. Era ini, dunia Islam menjadi pusat pengembangan ilmu pengetahuan dan teknologi sekaligus menampilkan peradaban yang berasaskan keadilan sosial, etika, dan kesejahteraan manusia secara menyeluruh. Kejayaan tersebut lahir daripada pengamalan nilai-nilai dan hukum al-Quran dalam kehidupan, kebebasan intelektual yang berlandaskan akidah, serta semangat kolektiviti umat (wahdatu al-ummah) yang menyatukan kekuatan spiritual dan rasional.

Namun, kemerosotan peradaban ini juga berpunca daripada kelemahan dalaman umat sendiri, seperti perpecahan politik (fitnah siyasiyyah), kemerosotan moral, dan stagnasi serta fanatisme. Akibatnya, dunia Islam kehilangan orientasi dan daya saing dalam bidang sosial, ekonomi, dan politik. Oleh itu, untuk membangkitkan kembali kejayaan Islam, umat perlu menegakkan semula kesatuan nilai dan hukum Islam yang bersumber daripada al-Quran sebagai pedoman hidup, diiringi dengan pembaharuan pemikiran (tajdid al-fikr) yang mampu menyeimbangkan antara tuntutan wahyu dan realiti zaman (Ashimi, 2016). Dalam persoalan ini, kedudukan manusia sebagai teladan merupakan *raison d’être* (alasan mendasar) bagi kelangsungan tamadun Islam. Tanpa keteladanan, hukum kehilangan maknanya, dan politik kehilangan legitimasinya. Oleh itu, proses penerapan hukum Islam tidak dapat dipisahkan daripada pendidikan moral dan pembentukan kesedaran masyarakat.

Dalam tradisi Islam, pendidikan (tarbiyah) dan pembinaan adab (ta’dib) menjadi asas dalam menumbuhkan kesedaran hukum. Hal ini kerana syariah bukan hanya aturan formal, tetapi sistem nilai yang membentuk akhlak individu dan integritas sosial. Maknanya, Islam bukan sekadar membentuk kerangka pemerintahan atau sistem politik, tetapi juga mendidik karakter manusia, sama ada sebagai individu, kelompok masyarakat, terlebih sebagai pemimpin (Ayub et al., 2020). Dalam konteks politik dan pemerintahan, Nabi SAW menampilkan sistem meritokrasi dan musyawarah (syura) sebagai prinsip utama kepemimpinan Islam. Pemilihan sahabat-sahabat untuk menempati posisi penting seperti Mu’adh Bin Jabal sebagai gubernur Yaman, Bilal Bin Rabah sebagai muazin, dan Zaid Bin Thabit sebagai penulis wahyu, dan posisi strategik lainnya dalam masyarakat didasarkan pada kompetensi dan integriti, bukan status sosial, keturunan atau karena kedekatan pribadi. Prinsip meritokrasi ini menegaskan bahawa kekuasaan dalam Islam bukanlah hak, tetapi amanah (amanah siyasiyyah). Semua memiliki kedudukan yang sama, tidak ada ketuutamaan melainkan karena akhlak dan ketakwaannya (Natsir, 1954).

Keteladanan juga menjadi asas hubungan antara pemimpin dan rakyat. Dalam Islam, setiap individu memiliki hak dan kewajiban yang seimbang; hak tidak dapat dituntut tanpa kewajiban, dan kewajiban tidak dapat dijalankan tanpa keadilan dalam hak. Islam mendidik umatnya untuk menunaikan kewajiban sebelum menuntut hak, kerana dari ketaatan dan tanggung jawab lahirlah keseimbangan sosial. Pemimpin wajib ditaati selama ia taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Iaitu menegakkan keadilan dan menunaikan tanggung jawab pemimpin sebagaimana digariskan oleh al-Quran.

Dan apabila seorang pemimpin menyimpang dari perintah Allah, maka ketaatan tidak lagi wajib, justeru rakyat mesti mengingatkan para pemimpinnya dengan mekanisme yang telah ditetapkan. Keteladanan itu sangat jelas seperti yang diungkapkan oleh Abu Bakar al-Siddiq RA dalam ceremoni pengambilan sumpah (bai'at) sebagai khalifah: *“Taatilah aku selama aku menaati Allah dan Rasul-Nya; tetapi jika aku menyalahi perintah Allah dan Rasul-Nya, maka tidak ada ketaatan atas kalian kepadaku”* (Zulkifli, 2023).

Prinsip ketaatan bersyarat ini merupakan asas politik Islam yang menegakkan keadilan dan menghindarkan absolutisme kekuasaan. Dalam pandangan Islam, pemimpin bukan raja yang berdaulat mutlak, melainkan hamba Allah yang memikul amanah untuk menegakkan hukum dan nilai-nilai-Nya. Oleh sebab itu, tanggung jawab utama seorang pemimpin ialah menjamin tegaknya nilai dan hukum Islam dalam masyarakat. Sementara rakyat memiliki tanggung jawab moral untuk menegur dan menasihati pemimpin yang zalim (Natsir, 1957b).

#### • Peluang Dan Tantangan

Peluang dan tantangan penerapan al-Quran sebagai sumber nilai dan hukum dalam konteks sosio-politik semasa menjadi isu penting yang perlu dianalisis secara mendalam. Di satu sisi, peluangnya terletak pada sifat ajaran Islam yang bersifat syumul (komprehensif) dan salih li kulli zaman wa makan (relevan sepanjang zaman). Prinsip-prinsip dasar al-Quran seperti keadilan ('adl), kemaslahatan (al-maslahah), kesetaraan (al-musawah), dan tanggung jawab sosial memberikan fondasi normatif yang kuat bagi pembentukan sistem hukum dan politik yang beretika serta berorientasi pada kesejahteraan manusia. Dalam dunia moden yang diwarnai krisis moral, penyalahgunaan kuasa, dan ketimpangan sosial, al-Quran menawarkan paradigma nilai yang menegaskan keseimbangan antara kebebasan individu dan tanggung jawab kolektif, antara hak dan kewajiban, serta antara kekuasaan dan moraliti. Nilai-nilai ini membuka peluang besar bagi negara-negara Muslim untuk membangun tata kelola pemerintahan yang berintegriti dan berkeadilan sosial.

Namun demikian, peluang tersebut diiringi dengan tantangan besar. Salah satunya adalah problem interpretasi dan implementasi nilai-nilai al-Quran dalam konteks kenegaraan moden. Pergeseran makna hukum Islam dari nilai moral-spiritual kepada bentuk legal-formal sering kali mengakibatkan penyempitan fungsi syariah. Hukum Islam kerap dipersepsi sekadar sistem penalti, bukan sebagai panduan etika sosial. Tantangan lain datang dari sikap sekularisme ekstrem dan relativisme moral yang menolak keterlibatan nilai-nilai agama dalam ranah publik. Hal ini menimbulkan ketegangan epistemologis antara pendekatan wahyu dan rasionalisme modern yang mengutamakan kebebasan mutlak individu tanpa batas moral.

Di samping itu, tantangan institusional juga signifikan, iaitu lemahnya political will pemerintah Muslim dalam mengintegrasikan nilai-nilai Islam ke dalam sistem hukum nasional. Banyak negara Muslim masih berpegang pada sistem warisan kolonial yang terpisah dari nilai Islam, sementara usaha taqwin sering terhambat oleh birokrasi, tekanan politik, atau kepentingan ideologis. Untuk menjawab tantangan ini, diperlukan pendekatan epistemologis baru yang menggabungkan , Maqasid al-Shariah dengan prinsip tata kelola moden (good governance), agar penerapan hukum dan nilai al-Quran bukan sekadar simbolik, tetapi benar-benar menjadi instrumen transformasi sosial dan politik menuju masyarakat yang adil, beretika, dan berperadaban.

## KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa al-Quran bukan sekadar sumber hukum dan moral, tetapi juga asas peradaban yang membentuk kerangka sosial, politik, dan intelektual umat Islam. Nilai-nilai yang digariskan dalam al-Quran seperti keadilan, kesetaraan, musyawarah, dan tanggungjawab sosial memiliki potensi besar untuk dijadikan landasan pembangunan sistem hukum dan politik yang beretika serta berorientasikan kemaslahatan. Namun, keberhasilan penerapannya bergantung pada kemampuan umat Islam mengaktualisasikan prinsip-prinsip tersebut dalam konteks semasa dengan pendekatan yang rasional, kontekstual, dan berorientasi kepada Maqasid al-Shariah.

Kajian ini mencadangkan perlunya penguatan pendekatan integratif antara wahyu dan akal dalam memahami teks al-Quran, agar interpretasi hukum dan nilai Islam tidak terjebak dalam formalisme, tetapi mampu menjawab cabaran dunia moden. Di samping itu, reformasi institusi politik dan pendidikan Islam perlu digerakkan supaya nilai-nilai Qurani dapat diterjemahkan dalam dasar sosial dan pemerintahan yang berkeadilan, berintegriti, serta berorientasi kepada kesejahteraan umat. Implikasi praktikal daripada hasil kajian ini ialah keperluan membangun paradigma baru dalam politik Islam, iaitu politik nilai yang berteraskan wahyu, tetapi terbuka terhadap dinamika zaman. Hanya dengan mengembalikan al-Quran sebagai sumber inspirasi nilai, etika dan hukum dalam tatanan sosial, umat Islam dapat keluar daripada krisis moral dan integriti menuju peradaban yang seimbang antara spiritualitas, rasionalitas, dan kemajuan peradaban.

## RUJUKAN

- Ahmadavand, Z., & Ghorbannejad, P. (n.d.). The political legitimacy of the Islamic State from the perspective of Sheikh Baha’I Tenth century AH. *The Islamic University College Journal*, 72(2).
- Al-Qaradhawi, Y. (2018). *Fikih Daulah Dalam Perspektif Al-Quran Dan Sunnah*. Pustaka Al-Kautsar.
- Al-Qaradhawi, Y. (2019). *Pengantar Politik Islam* (1st ed., Vol. 1). Pustaka Al-Kautsar.
- Ashaari, M. F., & Razali, N. A. W. (2025). Conceptual Framework Of Ethical Political Communication Based On Islamic Principles In Communication. *Jurnal Al-Hikmah*, 17(1).
- Ashimi, T. A. (2016). Islamic Civilization: Factors Behind Its Glory And Decline. *International Journal of Business, Economics and Law*, 9(5).
- Ash-Shallabi, A. M. (2017). *Negara Islam Modern: Menuju Baldatun Thayyibatun wa Rabbun Ghafur*. Pustaka Al-Kautsar.
- Ayub, N. S., Hamzah, M. I., & Razak, K. A. (2020). The Practice of Ta’dib Leadership among Islamic Education Teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(3).
- Aziz, M. A. (2023). The Principles of Islamic Polity in the Quran and Sunnah: Revisiting Modern Political Discourse. *Al-Burhan Journal of Qur’an and Sunnah Studies*, 7(1).
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Fauziati, F., & Abbas, S. (2024). History and Patterns of Islamic Law Taqin in Indonesia. *Abdurrauf Journal of Islamic Studies (ARJIS)*, 3(1), 68–79. <https://doi.org/10.58824/arjis.v3i1.103>

- Garoupa, N., & Spruk, R. (2024). Populist Constitutional Backsliding and Judicial Independence: Evidence from Turkiye. Arxiv-Cornell University.
- Islamic Well-Being Index 2022: Maldives tops Indonesia and Malaysia - IWI. (n.d.). Retrieved October 11, 2025, from <https://islamicwellbeing.org/index.php/2022/07/31/the-republic-of-maldives-leads-in-the-pandemic-era-islamic-well-being-index-3-0-for-2022/>
- Junaidi, J., Abdul Majid, L., & Nazri, M. A. (2023). Revisiting Social Justice: Exploring the Quranic Paradigm in Addressing Contemporary Challenges. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 25(2), 153–192. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol25no2.5>
- Junaidi, J., Majid, L. A., & Nazri, M. A. (2023). Revisiting Social Justice: Exploring The Quranic Paradigm In Addressing Contemporary Challenges. *Afkar*, 25(2).
- Khaldun, I. (2012). *Muqaddimah Ibnu Khaldun* (Ridwan M. Nurkholis, Ed.; 2nd ed.). Pustaka Al-Kautsar.
- Mahendra, Y. I. (2022, March 4). General Lecture By Prof. Yusril Ihza Mahendra - Islam And Democracy In Mohammad Natsir's Thoughts [Broadcast]. <https://www.youtube.com/watch?v=fT15WHWWcIs>
- Mirhamad, F. M., & Shamsulddin, B. J. (2023). The Principles of Justice in the Quranic Perspectives and Administrative Laws. *Islamic Sciences Journal*, 14(4).
- Mohammed, T. A. S. (2024). A scientometric study of Maqasid al-shariah research: trending issues, hotspot research, and co-citation analysis. *Frontiers in Research Metrics and Analytics*.
- Muchtarom, Moh., & Selamat, A. Z. Bin. (2023). Civic values: Thematic studies on citizenship in Islam. *Jurnal Civics: Media Kajian Kewarganegaraan*, 20(1), 135–144. <https://doi.org/10.21831/jc.v20i1.58544>
- Muhaimin. (2021). Removing Dual-Discourse (National and Sharia Law) in the Formulation of Region's Policy in Jember. *Jurnal Hukum Islam*, 19(1).
- Natsir, M. (1954). *Capita Selecta* (Alimin D.P. Sati, Ed.). Bulan Bintang.
- Natsir, M. (1957a). *Capita Selecta 2* (Alimin D.P. Sati, Ed.). Pustaka Pendis.
- Natsir, M. (1957b). *Islam Sebagai Ideologie* (2nd ed.). Penjiaran Ilmu.
- Natsir, M. (1968). *Keragaman Hidup Antar Agama*. Hudaya.
- Natsir, M. (2014). *Islam Sebagai Dasar Negara* (1st ed.). Segi Arsy.
- Parcerro, O. J., & Ryan, J. C. (2017). Becoming a Knowledge Economy: the Case of Qatar, UAE, and 17 Benchmark Countries. *Journal of the Knowledge Economy*, 8(4), 1146–1173. <https://doi.org/10.1007/s13132-016-0355-y>
- Shidiq, G. (2009). Teori Maqashid Al-Syari'ah Dalam Hukum Islam. *Sultan Agung*, 44(118).
- Solihin, S. (2017, July 23). Seminar Pemikiran Reformis: Siri VIII Mohammad Natsir Part-3 [Broadcast]. <https://www.youtube.com/watch?v=H0sWqyybKFs>
- Syarif, M. (2023). Pengembangan Hukum Islam Melalui Pendekatan Maqasid Syar'iyah. *Nizam: Jurnal Islampedia*, 2(1).
- Syarif, T. R., & Nadzri, F. A. A. (2024). Principles Of Governance In The Quran And Their Role In Eradicating Corruption. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 25(2).
- Yulianto, R. A. (2019). Positivising Shari'a In National Regulation Through Maqasid Approach. *Jurnal Hukum Islam*, 17(2).
- Yusoff, I. (2015). *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama Dan Politik* (1st ed.). UUM Press.

- Zaini, A. (2011). Model Interpretasi Al-Quran Abdullah Saeed. *ISLAMICA*, 6(1).
- Zuhdi, A. I, Helmina, Labib, H. A., & Jasafat. (2025). Journal of Noesantara Islamic Studies. *Journal of Noesantara Islamic Studies*, 2(1).
- Zulkifli. (2023). Konsep Ketaatan Kepada Ulu Al-Amr (Analisis Hadis Riwayat Bukhari No. 7056 dan Hadis Riwayat Muslim No. 1709). *DIRAYAH : Jurnal Ilmu Hadis*, 4(1).